

Peluang bina modul sendiri di NUS



ALU-ALUKAN INISIATIF:

Semasa bertemu dengan Profesor Ho Teck Hua (*kiri*), mahasiswa tahun kedua NUS Syazwani Daud Dave Nonis berkata beliau berharap dapat mencorak modul subjek pelancongan untuk mengetahui kesannya terhadap ekonomi global.
– Foto NUS

► **SHAHIDA SARHID**
sshahida@sph.com.sg

MAHASISWA Universiti Nasional Singapura (NUS) kini boleh memilih dan mencorak modul, bahan, tugas dan kriteria penilaian sendiri di bawah usaha baru yang dikenali sebagai Reka Modul Anda Sendiri (DYOM).

Usaha tersebut sebahagian daripada Modul Elektif Tiada Sekatan (UEM) yang bertujuan memberi pelajar kebebasan meneroka sebarang subjek yang mereka minati, dengan harapan ia boleh menyumbang kepada perkembangan peribadi dan profesional mereka.

Mengumumkan demikian dalam sidang media di NUS semalam, Timbalan Presiden Kanan dan Provos NUS, Profesor Ho

Teck Hua, menerangkan bahawa inisiatif sedemikian dapat memenuhi keperluan khusus pelajar terhadap modul yang tidak ditawarkan NUS.

“Kami mahu pelajar bertanggungjawab ke atas perjalanan pembelajaran sendiri, selain mempersiapkan dan menyemai sikap pembelajaran sepanjang hayat,” ujarnya.

Pelajar yang berminat reka modul sendiri boleh mengumpulkan sekurang-kurangnya 10 pelajar dan menyerahkan saranan kepada mentor fakulti NUS untuk disemak dan diluluskan.

Pelajar juga boleh mendapatkan penceramah undangan daripada industri terlibat, misalnya dalam bidang teknologi kewangan (Fintech), kemampunan bandar atau seni halus.

“Mereka juga boleh memilih

modul daripada kursus dalam talian yang ditawarkan edX.

“Dengan kursus yang ditawarkan di edX, ini bermakna pelajar boleh memilih antara sekitar 4,100 kursus secara keseluruhannya,” ujar Profesor Ho.

edX ialah pembekal kursus dalam talian terbuka rekaan varsiti ulung dunia, Institut Teknologi Massachusetts (MIT) dan Universiti Harvard.

Mereka mempunyai kerjasama dengan 80 universiti terbaik dunia dan menawarkan lebih 2,100 kursus peringkat universiti kepada sekitar 14 juta orang di dunia.

Antara modul menarik yang ditawarkan ialah *Menjadi Usahawan*, *Teknologi Blok Rantai* dan *Perubahan Iklim*.

Kesemua modul DYOM akan diberikan gred Memuaskan atau

Tidak Memuaskan dan tidak akan menyumbang kepada mata peratusan keseluruhan pelajar.

Mahasiswa tahun kedua, Cik Syazwani Daud Dave Nonis, 21 tahun, daripada jurusan Komunikasi dan Media Baru NUS, menyambut baik inisiatif baru itu kerana ia dapat meluaskan minat seseorang dalam sesuatu bidang.

“Jika diberi peluang, saya ingin mereka dan mencorak kursus seperti pelancongan atau ‘wanderlust’ untuk mengetahui mengapa kian ramai gemar melancong dan kesannya terhadap ekonomi,” ujarnya.

Profesor Ho juga menambah jika sesebuah modul itu didapati berjaya, pihaknya akan membangunkan kandungan sesuai untuk menghasilkan modul itu buat pelajar lain.